

ST
SOALAN NO: 30

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]

TARIKH : 28 November 2017 (Selasa)

SOALAN : Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan faktor tidak cukupnya pengeluaran bagi semua subsektor yang melibatkan tanaman dan ternakan untuk memenuhi permintaan yang tinggi sehingga terpaksa mengimport dari luar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara faktor yang menyebabkan pengeluaran tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan bagi subsektor tanaman terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran adalah akibat fenomena El-Nino yang berlaku pada tahun 2015. Kesan daripada fenomena tersebut, berlaku penurunan hasil sebanyak 6% bagi buah-buahan iaitu daripada 1,769 ribu tan pada tahun 2015 kepada 1,665 ribu tan pada tahun 2016 manakala penurunan hasil sebanyak 11% bagi sayur-sayuran iaitu daripada 1,580 ribu tan pada tahun 2015 kepada 1,399 ribu tan pada tahun 2016.

Bagi subsektor ternakan pula, pengeluaran komoditi ternakan seperti daging ayam dan telur telah mencapai tahap sara diri (*Self-Sufficiency Level - SSL*) melebihi 100%. Walau bagaimanapun, pengeluaran komoditi ternakan bagi daging lembu/kerbau, kambing/bebiri dan susu masih belum mencapai tahap sara diri atau permintaan. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pengeluaran komoditi ternakan tersebut tidak dapat memenuhi permintaan iaitu :

- a) Persaingan kawasan untuk penternakan dengan kawasan bagi aktiviti-aktiviti lain;
- b) Jumlah ternakan asas (populasi) masih rendah dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan berbanding kadar ekstraksi (*extraction rate*) yang tinggi selari dengan pertambahan populasi penduduk yang meningkatkan permintaan daging tahun ke tahun;

- c) Kos perolehan ternakan baka dan kos operasi yang meningkat;
- d) Kekurangan sumber makanan ternakan tempatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif;
- e) Cabaran memperoleh tenaga kerja yang mahir dan berkompetensi; dan
- f) Ancaman penyakit yang masih berleluasa kepada ternakan seperti *Foot and Mouth Disease* (FMD) dan *Bruselosis* yang berpunca dari amalan penternakan yang kurang baik.